



Penuntut dan pensyarah UniKL bergambar bersama pasukan bomba dan Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh yang mengawal aspek keselamatan sepanjang aktiviti berlangsung.

NOOR'AINON MOHAMED YUSOF

# Pelajaran dari gua

**G**OPENG - Kelab Bomba Universiti Kuala Lumpur (UniKL) bukan sahaja dapat menerokai Gua Tempurung yang menjadi ikon pelancongan negeri, malah turut melaksanakan program jiwa murni demi menjaga kebersihan kawasan tumpuan ramai itu.

Seramai 48 ahli terdiri daripada penuntut dan pensyarah menyahut cabaran ekspedisi yang turut dikawal oleh pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh.

Ketua Unit Latihan Bomba Ipoh, Mohd Fauzi Abd Aziz berkata, lapan pegawai dan anggota terlibat dalam mengawal aspek keselamatan semua peserta sepanjang program itu berlangsung.

"Ahli kelab diberikan penerangan keselamatan sebelum, semasa dan selepas aktiviti menelusuri gua itu diadakan selain melakukan acara memanas badan.

"Menerusi pakej yang dipilih, kesemua peserta berpeluang merasai cabaran melalui trek kering dalam gua terbabit dan keluar menerusi alur sungai di bawah gua yang mengambil masa keseluruhan hampir tiga jam," katanya.

Menurutnya, peserta didedahkan dengan pelbagai imej dan bentuk batu secara semula jadi di dalam gua terbabit.

"Terdapat pelbagai imej yang ditemui pada dinding gua seperti ikan, manusia, monyet selain bentuk stalaktit, stalagmit. Proses kimia yang berlaku secara semula jadi menyebabkan peserta terpuaka akan rupa batu marmar dan kristal.

"Terdahulu, peserta perlu mendaki kira-kira 600 anak tangga dan menuruni lebih 200 anak tangga sebelum menggelungsur di kawasan tebing batu yang curam dan

Kelab Bomba UniKL terokai Gua Tempurung, kutip pengalaman baharu

melepaskan diri menerusi lubang kecil untuk sampai ke alur sungai," katanya.

Mohd Fauzi berkata, semua pelajar dan pensyarah telah merangkak dan meniarap lebih sejam untuk keluar dari kawasan gua melalui sungai.

"Bagaimanapun, sikap prihatin kelab ini harus dipuji apabila mereka melakukan aktiviti mengutip sampah di sekitar kawasan gua bagi menerapkan budaya bertanggungjawab dan bersih," katanya.

Majlis penutupan disempurnakan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh, Mohd Subri Hussin.



Ahli kelab wanita tidak ketinggalan merasai sendiri meneroka Gua Tempurung.



Kesemua peserta berkumpul selepas selesai melakukan aktiviti jiwa murni dan meneroka Gua Tempurung.



Aktiviti mengutip sampah menjadi sebahagian daripada rancangan Kelab Bomba UniKL untuk menerapkan budaya bersih.



Penuntut UniKL menjalankan aktiviti jiwa murni dengan mengutip sampah di sekitar kawasan Gua Tempurung.



Akhirnya berjaya. Kesemua ahli kelab berjaya keluar dari Gua Tempurung dengan menyusuri sungai dengan merangkak dan meniarap.